



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA,  
 BAHAGIAN TEKNIKAL,  
 TINGKAT 12, BLOK 9,  
 KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
 JALAN DUTA, PETI SURAT 11833,  
 50758 KUALA LUMPUR,  
 MALAYSIA

Telefon: 03-62091000  
 Faks: 03-62010905  
 03-62015923

Homepage LHDNM: <http://www.hasil.org.my>

Ruj Tuan:

Ruj kami: LHDN.01/35/(S)/193/21 Klt 6

Tarikh: 4 April 2008

Sekretariat  
 Institut Percukaian Malaysia (MIT)  
 Unit B-13-2, Block B  
 13th Floor, Megan Avenue II  
 No. 12, Jalan Yap Kwan Seng  
 50450 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**MAKLUM BALAS BAGI ISU-ISU 1 DAN 4 YANG DIBANGKITKAN DALAM MAJLIS DIALOG OPERASI BIL. 1/2008 PADA 25 FEBRUARI 2008**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lanjutan daripada sesi dialog Operasi Bil. 1/2008 di antara Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan wakil-wakil Persatuan Akauntan pada 25 Februari 2008, sukacita dikemukakan maklum balas seperti berikut:

**2.1 Isu 1 - Transitional Provisions for Dividend Payment under the Single Tier System**

Bagi pemegangan syer biasa, syarikat dibenarkan mengeluarkan dividen 'single tier' tanpa memberitahu LHDNM dengan syarat baki 108 digunakan sepenuhnya atau syarikat telah membuat pilihan untuk mengabaikan baki 108. Baucer dividen yang sama boleh digunakan sekiranya tarikh bayaran pelbagai kategori dividen tersebut adalah sama.

Sekiranya dividen yang dibayar adalah berkenaan dengan pemegangan syer selain daripada syer biasa misalnya syer keutamaan ('preference shareholding'), ia dianggap sebagai dividen 'single tier' dan boleh dikeluarkan walaupun syarikat masih mempunyai baki 108 yang belum digunakan sepenuhnya atau belum diabaikan.

## 2.2 Isu 4 - Partnerships: Share of Profits

Seperti yang diputuskan dalam sesi dialog, sila kemukakan beberapa senario selain daripada yang telah persatuan berikan supaya Jabatan ini dapat membuat kajian seterusnya.

3. Kerjasama tuan dipohon untuk mengedarkan jawapan bagi isu 1 di atas kepada persatuan-persatuan akauntan yang lain.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"MESRA, MEMBANTU, MEMUASKAN"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HALIJAH BT BULAT)**

Pengarah  
Jabatan Teknikal  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

/nab